



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN DAYA GUNA AWAM

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN KUASA KAWAL SELIA BEKALAN ELEKTRIK SABAH KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 19 JANUARI 2024 – Majlis pada hari ini merupakan simbolik bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam telah menyerahkan kuasa kawal selia bekalan elektrik negeri Sabah dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah yang dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- (i) Fasa 1 – penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik Sabah yang berkuat kuasa pada 3 Januari 2024; dan
- (ii) Fasa 2 – penyerahan SESB dalam tempoh 7 tahun yang dijangka selesai pada tahun 2030.

Keputusan ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Persekutuan untuk memartabatkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Selain itu, pada hari ini juga diadakan majlis penyerahan tujuh (7) projek pembangunan infrastruktur bekalan elektrik yang telah disiapkan oleh Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Penyerahan ini melibatkan tujuh projek yang telah siap dalam tahun 2023 di mana terdapat empat projek telah disiapkan sepenuhnya dan tiga projek siap separa. Penyiapan separa bermaksud bangunan pencawang utama telah beroperasi manakala baki kerja adalah melibatkan pengalihan beban kepada sistem peralatan baharu yang dipasang.

Projek-projek ini melibatkan kapasiti pengagihan bekalan berjumlah 120 Megawatt iaitu bagi projek;

- (i) SSU Pirasan di kawasan Kota Belud;
 - (ii) PPU Kundasang di kawasan Ranau;
 - (iii) PPU Sipitang di kawasan Sipitang;
 - (iv) PPU Donggongon di kawasan Penampang;
 - (v) PMU Penampang di kawasan Penampang; dan
 - (vi) PPU Lingkuadau di kawasan Ranau.
- (vii) Manakala sebanyak 18 Megawatt kapasiti penjanaan dapat dihasilkan melalui kerja Rehabilitasi Gas Turbine Melawa di Stesen Janakuasa Sandakan untuk Grid Pantai Timur Sabah.

Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil langkah proaktif dengan penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) Sabah yang dipengerusikan secara bersama antara YAB Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam dan YAB Ketua Menteri Sabah sebagai langkah awal ke arah penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah. Sebarang keputusan mengenai perancangan dan pembekalan elektrik di negeri Sabah telah dibincang dan diputuskan secara bersama oleh kedua-dua belah pihak.

Dengan pelaksanaan pemindahan kuasa kawal selia ini, Kerajaan Negeri Sabah boleh melaksanakan perancangan dan pembangunan pembekalan elektrik di negeri Sabah dengan sendiri. Walaupun demikian, Kerajaan Persekutuan bersedia untuk bekerjasama sekiranya pihak Sabah memerlukan bantuan dan khidmat nasihat daripada Kerajaan Persekutuan.

Selepas penyerahan ini, Kerajaan Negeri Sabah diharapkan agar sentiasa komited menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik dan memenuhi peningkatan permintaan elektrik di Sabah.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM
19 JANUARI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763